



SIARAN MEDIA

PROGRAM KARNIVAL KITA MADANI PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

PETALING, 3 Ogos 2025 - Karnival Kita MADANI merupakan program turun padang dan libat urus Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Selangor bersama komuniti setempat dengan menyajikan pelbagai acara menarik dalam memperkasa usaha pemasaran maklumat kerajaan kepada rakyat.

Sempena Majlis Perasmian Karnival Kita MADANI Negeri Selangor, Menteri Digital telah menyampaikan komputer riba sumbangan AXIATA kepada 50 orang penerima terdiri daripada pelajar. YB Tuan Gobind Singh Deo turut meluangkan masa beramah mesra dengan lebih **500** orang pengunjung termasuk pemimpin masyarakat dan komuniti sekitar.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula pada 02 hingga 03 Ogos 2025 di Dataran Kayu Ara, Damansara ini telah menyaksikan kerjasama erat Komuniti MADANI Parlimen Damansara yang terlibat secara langsung dalam menggerakkan pelbagai aktiviti menarik seperti tayangan wayang pacak, Jualan Ehsan Rahmah (JER), Pertandingan Bintang MADANI, pertandingan mewarna kanak-kanak, jualan 'food truck' dan pameran interaktif Jabatan/ agensi serta syarikat telekomunikasi. Turut diadakan Slot Kempen 'Internet Selamat oleh SKMM dan Taklimat Isu Semasa oleh PDRM.

Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Negeri Selangor selaku penganjur program turut dibantu oleh Pejabat Parlimen, Damansara, Pejabat DUN Damansara dan MPKK Kampung Sungai Kayu Ara selaku urus setia bersama.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik) Jabatan Penerangan Malaysia, Puan Rubaayah binti Osman dan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Selangor, Encik Cik Kazidi bin Mohd Zainuddin.

Dikeluarkan oleh:

Unit Media

Jabatan Penerangan Negeri Selangor